

MASA DAN MASYARAKAT MELAYU: PERADABAN BERTERUSAN

Nor Hashimah Jalaluddin

Abstrak

Dari dahulu hingga kini, konsep 'janji Melayu' masih lekat dalam masyarakat Melayu. Jika dahulu dikatakan masyarakat Melayu tidak mempunyai pengukur masa yang tepat namun setelah munculnya peradaban masa yang tepat, jam umpamanya, penilaian orang Melayu terhadap masa boleh dikatakan masih kekal. Ukuran-ukuran masa seperti selama enggang mengeram, selangkas betik berbuah dan semasak buah rambai adalah manifestasi betapa lamanya masa yang diambil untuk melakukan sesuatu perkara. Peredaran masa dan kesan modenisasi masih menyaksikan ukuran masa seumpama ini dipraktikkan lagi. Ungkapan-ungkapan seperti-lepas asar, lepas maghrib, senja telah dipakai bagi merujuk pada masa. Persoalannya sekarang adakah masyarakat Melayu begitu sempit pemikiran mereka sehingga arus modenisasi dan globalisasi gagal mengikis pandangan mereka terhadap masa. Atau adakah ini nilai peradaban Melayu yang mesti dipertahankan agar Melayu akan tetap dihormati sebagai bangsa yang boleh bertolak ansur dan berhati budi. Data teks klasik dan moden akan dijadikan perbandingan ukuran masa berdasarkan perspektif ilmu pragmatik. Hasilnya kelak akan menjadi hakim kepada pengukuhan atau perubahan nilai peradaban itu sendiri.

Abstract

The notion of 'Malay promise' (meaning 'not punctual') persists till today. In the past when absence of instruments for observing time was usually held responsible for unpunctuality, the availability of clocks and watches in present day society does not seem to solve the so-called problem of lack of promptness. Concomitant with this, the existence of malay phrases such as, 'the duration of a hornbill's incubation', 'the

duration of the ripening of a papaya', and 'the duration of the ripening of the rambai fruit' seems to belie this assumption of unpunctuality. This is because they do indicate a conception of time, which includes consideration of duration and period. The currency of such sayings would suggest that Malay concept of time, as understood in olden times persists despite rapid changes in modern society. In fact the former phrases of time has changed to 'after asar (early evening) prayer', 'after maghrib (evening) prayer', and dusk in today's life. This observation lends itself to a relevant question. Are Malays so inflexible that changes wrought by modernization and globalisation failing to affect any significant shift in their perception of time? Or, could this so-called rigidity be explained in terms of the built-in leeway, which inevitably accompanies any conception of time, a way of thinking which in turn explains Malay tolerance and politeness. To this end, data from both modern and traditional texts are analyzed from the perspective of pragmatics. The findings would prove whether Malay way of conceiving time is eroded or reinforced and strengthened over time.

PENDAHULUAN

Peradaban mengikut *Kamus Dewan Edisi 3* (1994) ialah keadaan serta tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohani (sesuatu bangsa, masyarakat dan sebagainya), tamadun. Persepsi masyarakat Melayu terhadap masa harus seiring dengan peradaban bangsa Melayu itu sendiri. Dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu, penggunaan perkataan **masa** dan **waktu** sering digunakan. Penggunaannya juga sering bertukar ganti tanpa pembahagian yang jelas. Dengan erti kata yang lain penggunaan yang tepat perkataan masa dan waktu tidak diambil kira oleh penutur bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, Asmah (2000:12) telah membezakan makna yang dibawa oleh kedua-dua perkataan tersebut. Menurut beliau masa seolah-olah menggambarkan frekuensi penggunaan yang lebih tinggi berbanding waktu. Waktu merujuk pada masa yang lebih umum.

Syed Hussein al-Attas (1989:170) telah menyatakan pendapatnya tentang masyarakat Melayu yang hidup pada masa lalu.

“Ketepatan waktu mekanis yang ditentukan oleh jam tidak ada, kerana sifat masyarakat tersebut dan tidak ada jam ketika itu. Berbagai-bagai proses produktif masyarakat tidak dimekanisasikan kerana keperluan terhadap perbezaan moden atas ketepatan waktu tidak ada. Ambillah misalnya pelayaran: mengingat kenyataan bahawa gerakan perahu

bergantung pada angin dan tenaga manusia, maka keberangkatan atau kedatangan perahu tidak dapat ditegaskan menurut jangkaan waktu yang dapat diukur. Keperluan akan ketepatan waktu yang dimekanisasikan tidak ada; dan kerana itu juga terjadi dalam hampir setiap kegiatan kehidupan sosial.”

Senu Abdul Rahman dalam bukunya *Revolusi Mental* (1971) turut mem-perkatakan tentang konsep waktu dalam masyarakat Melayu masa lalu. Mengikut Senu (1971:159):

“Pada masa lalu, masyarakat Melayu tidak menunjukkan disiplin atau ketepatan waktu. Tentu sahaja tidak ada perkataan tersebut dalam kosa kata masyarakat Melayu, menunjukkan tidak adanya konsep tersebut, dan kerana itu juga timbul gejala tersebut. Ungkapan “janji Melayu” biasa digunakan untuk menggambarkan ketidaktepatan masyarakat Melayu.”

Mungkinkah situasi orang Melayu yang lazimnya tidak mengambil berat dengan ketepatan waktu atau berbasa basi dengan waktu merupakan penurunan cara dan tanggapan masyarakat Melayu dahulu kala mempersepsi tentang masa? Persoalan inilah yang akan diteliti dalam kajian ini. Tujuannya adalah untuk melihat kesinambungan pemikiran dan cara orang Melayu mempersepsi masa. Makalah ini akan menyingkap zaman terdahulu hinggalah ke zaman ini. Bagi menganalisis data kajian, satu teori yang menggabungkan ilmu semantik dan pragmatik akan digunakan. Teori yang dimaksudkan ialah teori relevan.

Permasalahan Kajian

Banyak tulisan mengenai masa dan ruang dalam masyarakat Melayu yang telah ditulis. Selalunya apabila berbincang mengenai masa, ruang akan terlibat sama. Tetapi dalam makalah ini biarlah masa dahulu yang ditumpukan. Pusat Bahasa¹ Universiti Malaya (1992) pernah menganjurkan seminar khusus mengenai masa. Banyak kertas kerja yang mengaitkan masa dan konteks, masa dan budaya, masa dan nahu dan masa dan antara budaya sosial, telah dibincangkan. Asmah Haji Omar adalah antara linguist yang banyak menulis

1 Pusat Bahasa telah dinaiktarafkan sebagai Fakulti Bahasa dan Linguistik pada tahun 1995.

mengenai masa dan khususnya persepsi Melayu terhadap masa. Bukunya *Malay Perception on Time* (2000) telah membincangkan masa daripada pelbagai perspektif, formal dan tidak formal. Zaharah Ghafur (1989) juga ada menulis mengenai masa. Selain daripada ini, ada juga artikel yang membezakan persepsi masa antara Melayu dengan masyarakat Filipina, India, dan Jerman. Daripada artikel yang membandingkan budaya masa ini, apa yang dapat difahami ialah masyarakat Asia mempunyai persepsi yang agak luwes terhadap masa berbanding dengan Eropah.

Pendeskripsian Umum dan Khusus

Pendeskripsian masa secara umum adalah baik bagi memberikan gambaran keseluruhan tentang persepsi sesuatu masyarakat. Asmah Haji Omar (2000) telah menulis segala aspek masa dan persepsi masyarakat Melayu terhadap bahasa. Dari asal bagaimana bahasa Melayu mendapat istilah masa, konsep, kesan, ukuran, pergerakan, nahu, kesemuanya disentuh oleh Asmah. Contoh-contoh yang menarik telah diberi. Zaharah Ghafur (1989) turut menyenaraikan makna masa dan bagaimana masa digunakan dalam masyarakat Melayu. Sekali lagi hanya gambaran keseluruhan yang digambarkan. Kajian perbandingan antara budaya mengenai bahasa juga menampilkan huraian umum mengenai bahasa. Contohnya, Maya David (1992), Betty De La Pena (1992) hanya membuat perbandingan antara budaya Jerman dengan Filipina menangani masa.

Pendeskripsian khusus akan memfokuskan data berdokumen yang pernah terakam dalam hikayat Melayu dan karya moden mengenai masa. Daripada data yang terkumpul huraian teoretis akan dilakukan. Kesemua kosa kata yang menggambarkan konsep masa akan dikupas. Analisis seumpama ini akan dapat memberikan gambaran persepsi Melayu terhadap masa dengan lebih ilmiah lagi. Data kajian akan diambil daripada *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*² dan beberapa novel dan cerpen moden.

Perbincangan Teoretis

Manusia berkomunikasi untuk menyampaikan dan mendapatkan maklumat. Ujaran yang dihasilkan itu semestinya berbaloi dengan perhatian yang diberikan oleh pendengar. Hanya ujaran yang relevan sahaja yang akan diberikan per-

2 Sebenarnya banyak lagi karya klasik yang menggunakan ungkapan Melayu bagi menggambarkan tentang masa. Contoh yang jelas ialah *Hikayat Malim Deman*.

hatian. Penutur mempunyai tanggungjawab yang amat berat bagi memastikan maklumat yang bakal disampaikan menemui matlamatnya.

Apabila penutur mengujarkan sesuatu mesej, penutur harus memastikan mesej yang bakal dihasilkan itu bersifat *manifestasi* atau mesej itu mesti jelas dan nyata. Mesej yang bermanifestasi akan dapat mengubah *persekitaran kognitif* si pendengar. Persekitaran kognitif ini berkaitan dengan fakta-fakta awal yang ada pada pendengar sebagai asas pembentukan maklumat awal si pendengar. Dengan ujaran yang bermanifestasi, ini akan membantu meningkatkan maklumat yang ada pada pendengar.

Selain daripada ujaran yang bermanifestasi, ujaran itu juga perlu peka pada kehendak *konteks*, *kesan konteks* dan *usaha memproses maklumat*. Penutur harus memastikan apa yang bakal dituturkan kena pada sasarannya. Ini akan memudahkan mesej yang bakal disampaikan diberi perhatian oleh pendengar. Maknanya *konteks* haruslah serupa antara penutur dengan pendengar. Dari sini akan terbentuklah *kesan konteks*. Selain daripada konteks dan kesan konteks, *usaha memproses maklumat* harus diambil kira. Usaha memproses maklumat ini akan menentukan sama ada mesej itu mudah difahami ataupun tidak. Kesemua ini digarap dengan kemas dalam teori relevan. Teori yang membincangkan bagaimana komunikasi dan kognisi harus diberikan pertimbangan dan membantu menjadikan ujaran yang bakal dihasilkan sampai ke sasarannya.³

Beberapa konsep utama dalam teori relevan akan digunakan bagi menganalisis data yang ada. Sebelum itu, diperturunkan prinsip, dan konsep yang penting dalam teori relevan.

Prinsip Relevan

Andaian Asas: Kognisi manusia berorientasikan relevan. Pendengar selalunya akan menumpukan perhatian kepada maklumat yang relevan dengan dirinya.

Kesannya: Dengan meminta perhatian, penutur akan mencipta segala pengharapan yang relevan. Interpretasi yang terbaik adalah intepretasi yang dapat mematuhi pengharapan ini.

Dengan erti kata yang mudah, pendengar akan memberikan perhatian kepada apa-apa sahaja maklumat yang relevan dengan dirinya. Sebagai penutur, dia seharusnya bertanggungjawab bagi memastikan ujarannya

3 Penulis banyak membincangkan teori relevan dalam tulisan. Sila lihat buku *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan* (1992) dan artikel-artikel penulis dalam *Jurnal Bahasa* (1989 – kini) untuk memahami teori ini dengan baik.

mengandungi maklumat yang bakal setimpal dengan perhatian yang diberikan oleh pendengar.

Definisi Relevan

Dengan andaian segala hal seimbang, semakin banyak kesan konteks, semakin relevanlah sesuatu ujaran. Dengan andaian segala hal seimbang, semakin rendah usaha memproses maklumat, semakin relevanlah sesuatu ujaran.

Komunikasi: Aktiviti dua hala yang melibatkan penutur dan pendengar. Mesej yang hendak dibawa haruslah bersesuaian dengan konteks pendengar. Komunikasi dalam erti kata yang lebih sempit boleh juga dilihat seperti antara objek dengan manusia (TV dan penonton, surat khabar dan pembaca, buku dan pembaca, berkod atau tanpa kod).

Kognisi: Istilah yang digunakan untuk merujuk kepada aktiviti berfikir, membuat alasan, menaakul dan sebagainya. Kesemua aktiviti ini berlaku di tahap minda individu. Perbincangan mengenai kognisi selalunya dikaitkan dengan disiplin-disiplin lain seperti komunikasi, linguistik, psikologi, dan sebagainya.

Daripada prinsip dan definisi relevan jelas menunjukkan bahawa apa yang hendak dikomunikasikan mestilah mempunyai konteks bersama. Daripada maklumat awal yang dimiliki oleh individu, ini akan membentuk konteks. Konteks boleh dikembangkan dengan tiga cara iaitu sama ada dengan merujuk pada ujaran terdahulu, daripada persekitaran, dan catatan ensiklopedia yang ada pada tiap-tiap individu. Peranan deria sangat penting bagi membantu merealisasikan pengembangan konteks. Pada peringkat ini juga bentuk preposisi akan terhasil. Bentuk preposisi inilah yang bakal menentukan sama ada ujaran itu benar atau salah. Kemudian, daripada bentuk preposisi ke interpretasi makna sebenar, peranan pragmatik mengambil tempat. Jadi, pengembangan konteks yang dibantu oleh ilmu pragmatik ini akan turut mempengaruhi penghasilan kesan konteks. Sebagaimana konteks, kesan konteks juga boleh dikembangkan melalui tiga cara iaitu sama ada melalui penggabungan, penguatan, dan pengguguran maklumat. Apabila maklumat mengenai sesuatu ujaran itu banyak, maka secara tidak langsung usaha memproses maklumat akan turut menjadi rendah. Semasa memproses maklumat, peranan kognisi sekali lagi akan terlibat sama. Gabungan daripada kesemua konsep di atas, akan membantu penutur menjadikan maklumat mereka relevan dan berguna, sekurang-

kurangnya kepada pendengar.

Pemaparan Data dan Perbincangan

Ungkapan Melayu mengenai masa boleh dilihat dalam peribahasa dan pepatah petiti. Ungkapan mengenai masa tidak terhad kepada manusia sahaja malah ada juga untuk tumbuhan dan haiwan.

Contoh:⁴

Masa perjalanan.

Sepuntung rokok, sepiak sirih, sepenanak nasi, sepelaung.

Penentuan waktu dan hari.

Belum pecah mata belalang, lalat pun belum terbang lagi, sepenggalah matahari naik, tinggi hari, cukup bulan, berjagung-jagung dahulu sementara padi masak.

Keindahan ungkapan Melayu dalam menceritakan masa sangat indah dan menarik. Pendeskripsian tentang *hari nak siang*⁵ dengan mengambil segala haiwan yang ada di sekeliling menunjukkan yang masyarakat Melayu dahulu kala amat peka dan kreatif. Segala bait yang dinyatakan dalam ungkapan di atas merupakan pengalaman si penulis yang pernah merasai bagaimana keadaannya apabila hari hendak siang di desa.

Begitu juga apabila kita melihat ungkapan-ungkapan yang lain. Kesemuanya menggunakan objek atau haiwan yang berada di sekeliling mereka. Ini bermakna betapa persekitaran pada masa ungkapan ini dibentuk mempunyai pengaruh yang jelas. Objek-objek seperti bulan, bintang, matahari, galah, beras, sirih, rokok, jagung, padi, lalat, belalang, burung dan sebagainya telah dipilih sebagai latar kepada ungkapan-ungkapan ini.

Jika mengikut teori relevan, ungkapan-ungkapan ini merupakan ungkapan yang baik kerana menggunakan konteks setempat yang dapat membantu pendengar membentuk kesan konteks. Selain itu, ungkapan ini juga memerlukan usaha memproses maklumat yang rendah bagi memahaminya. Ini adalah disebabkan oleh objek-objek yang digunakan memang merupakan objek yang dikenali oleh penutur. Perkataan seperti bulan dan bintang merupakan perkara yang biasa didengar dan dapat dilihat. Jika dikatakan

4 Ini hanya sekadar beberapa contoh. Banyak lagi ungkapan menarik mengenai masa dalam bahasa Melayu.

5 Dipetik daripada *Hikayat Malim Deman*.

cukup bulan atau *purnama*,⁶ pendengar Melayu akan mengaitkan dengan bulan yang ada di atas langit yang merupakan salah satu panduan mengukur masa.

Keduanya, selain daripada bersifat peka konteks, kebanyakan ungkapan-ungkapan ini bersifat implisit atau tersirat. Mengikut teori relevan, lebih banyak kesan konteks berserta usaha memproses maklumat yang rendah akan menentukan kerelevanan sesuatu ujaran. Tetapi hal ini tidak berlaku kepada ungkapan-ungkapan ini. Dengan ciri keimplisitan, unsur memproses maklumat akan menjadi sukar dan secara tidak langsung akan menggugat kerelevanan ungkapan itu sendiri. Adakah ini dibenarkan?

Sekali lagi, mengikut teori relevan jika usaha memproses maklumat itu tinggi, tetapi kesan dan maklumat yang bakal diperoleh itu juga tinggi, maka ujaran seumpama itu akan diizinkan. Contohnya, dalam semua contoh yang disenaraikan tidak ada satu pun ungkapan yang menjelaskan konsep masa dengan eksplisit. Namun demikian, mesejnya dapat disampaikan dengan baik. Analogi antara masa yang dinyatakan dengan objek perlambangan mampu memberikan anggaran masa yang diperlukan oleh pendengar. Jadi, jelas di sini yang teori relevan mampu menganalisis ungkapan ini dengan berkesan sama ada ungkapan yang dilahirkan itu bersifat eksplisit mahupun implisit.

Contoh Data Lisan

Sepiak sirih

Orang Melayu zaman dahulu menggunakan sirih sebagai bahan kunyahan masa lapang dan juga dalam adat istiadat. Sirih selalunya menjadi penghidang kepada tetamu yang datang. Sambil berbual orang Melayu akan mengunyah sirih. Oleh kerana sirih telah menjadi kebiasaan dalam masyarakat Melayu, maka mengibaratkan sesuatu masa dengan *sepiak sirih* akan menjadi suatu perkara yang mudah untuk diproses. Maklumat yang ada mengenai aktiviti memakan sirih akan menjadi kesan konteks yang menjurus pada pemprosesan maklumat yang mudah. Mengikut teori relevan, ungkapan ini akan dianggap relevan kerana lengkap dengan konteks, kesan konteks dan usaha memprosesnya sekali. Sebab itulah jika orang mengungkapkan:

A: Berapa jauhkah rumah Long Atan dari sini?

B: Agak-agak *sepiak sirih*.⁷

6 Bulan dikenali juga sebagai purnama, yang merujuk pada bulan penuh atau bulan mengambang.

7 Ungkapan ini tidak lagi kedengaran dalam dunia hari ini.

Pendengar Melayu zaman dahulu akan pasti dapat memahami anggaran masa yang dinyatakan. Pendengar akan membayangkan dari mula daun sirih di tepak dipilih, diurut, dikapur, dipinang dan digambirkan lalu dilipat dan dikunyah. Ditambah lagi dengan masa mengunyah. Maka akan terhasillah anggaran masa yang dinamai dengan *sepiak sirih*. Apa yang penting ialah mesej yang hendak disampaikan tidak pernah gagal. Ini adalah kerana ungkapan itu adalah ungkapan yang relevan. Relevan di pihak penutur dan pendengar. Pendengar akan membayangkan segala proses ‘menyirih’ di peringkat kognitif dan dapat menjangkakan lama mana masa yang akan terlibat. Ini akan menjawab persoalan tentang jarak yang ditanya tadi.

Contoh Data Hikayat Klasik:

1. *“Hatta, apabila Tuan Puteri Si Helang Bakau telah hamil dua belas bulan lamanya:*

*Selama enggang mengeram,
Selangkas betik berbuah,
Semasak buah rambai,
Hari cukup bilangan genap.*

Maka geringlah Tuan Puteri Si Helang Bakau hendak bersalin lalu bertitah baginda Si Helang Laut memanggil Bujang Selamat suruh menjemput bidan tua bidan ketujuh”.

(Pawang Ana dan Raja Haji Yahya Muda, 1986:14)

Berdasarkan data di atas, pembaca didedahkan dengan keistimewaan bayi yang bakal dilahirkan oleh Tuan Puteri Si Helang Bakau, iaitu unsur kelainan tempoh Tuan Puteri tersebut mengandung dengan perempuan biasa lain yang mengandung. Lazimnya, perempuan hanya mengandung sembilan bulan beberapa hari sahaja. Jangka masa 12 bulan Tuan Puteri Si Helang Bakau hamil telah menunjukkan kelainan daripada orang biasa dan betapa luar biasanya bayi yang akan dilahirkannya itu.

Pemilihan burung enggang dalam data di atas telah menunjukkan ketinggian darjat dan kedudukan Tuan Puteri Si Helang Bakau itu sendiri. Ini bertepatan dengan pepatah ‘enggang sama enggang, pipit sama pipit’. Dalam pepatah ini, kedudukan enggang tidak dapat disamakan dengan pipit yang bersaiz lebih kecil dan terbangnya lebih rendah. Analogi pipit ini juga merujuk kepada golongan bawahan atau yang kurang berada berbanding dengan golongan pembesar atau bangsawan. Selain itu juga, pemilihan burung enggang untuk

data di atas dan tidak burung lain juga merujuk kepada keistimewaan burung ini dalam masyarakat Melayu. Saiz badannya agak besar sebesar seekor ayam belanda, cara terbangnya juga menunjukkan kekuatan tenaganya. Lazimnya burung enggang terbang melepasi pucuk pokok dan hanya berkawan dalam puak yang kecil iaitu tidak melebihi 10 ekor. Burung ini juga mengeluarkan bunyi bising yang nyaring pada waktu pagi. Melalui maklumat yang tersimpan dalam ingatan jangka panjang, masyarakat Melayu dapat mengaitkan saiz badan enggang yang besar yang turut memungkinkan tempoh pengeramannya lebih lama berbanding dengan burung-burung yang lain.

Melalui data di atas juga kita dapat meninjau bahawa masyarakat Melayu dahulu begitu bijak mengaitkan sesuatu keadaan dengan unsur alam yang terdapat di sekelilingnya. Ini dibuktikan apabila tempoh Tuan Puteri Si Helang Bakau hamil disamakan dengan tempoh '*selangkas betik berbuah*'. Bagaimana lamanya Tuan Puteri Si Helang Bakau mengandung dianalogikan dengan jangka masa betik mula ditanam hingga berbuah. Rukayah Aman (1999) telah menyatakan bahawa pokok betik berbuah awal, iaitu 10–14 bulan selepas ditanam.

Masa yang cukup dan tepat untuk melahirkan bayinya diumpamakan dengan '*semasak buah rambai*'. Masyarakat Melayu dahulu mengambil buah rambai dan tidak buah-buah lain sebagai contoh perbandingan kerana selalunya buah rambai merupakan buah yang terakhir sekali masak (ranum) dalam musim buah. Hal ini bertepatan dengan rasa buah rambai yang kurang enak berbanding buah lain seperti rambutan, mangga, dan durian. Jika buah rambai ini masak sama masanya dengan buah-buah lain, kemungkinan besar buahnya tidak akan dimakan. Menurut Rukayah Aman, rambai biasanya berbunga dan berbuah mengikut musim, iaitu dua kali setahun. "Musim bunga utama ialah pada bulan Mac dan April dan buah-buah lain masak pada bulan Jun hingga Ogos. Musim kedua tidak begitu lebat, iaitu pada bulan September dan buah-buah masak pada bulan Disember" (Rukayah Aman, 1999:189). Melalui catatan ensiklopedia, pembaca dapat menggambarkan keadaan buah rambai yang masak dan ranum. Buahnya sepanjang 2.5–3 sentimeter, berbentuk bujur tetapi bulat di kedua-dua hujungnya. Buahnya berwarna kuning pucat keputihan, kulitnya licin, nipis, berdebu dan baunya harum. Ungkapan '*semasak buah rambai*' dapat diinterpretasikan dengan ketepatan masa dan ketika untuk Tuan Puteri Si Helang Bakau melahirkan bayi. Bagaimana licinnya kulit buah rambai yang telah masak dan sesuai untuk dimakan begitulah licinnya kulit bayi yang lahir setelah cukup masa dan ketikanya. Bayi yang lahir sebelum masa dan ketika yang tepat, kulit, akan berkedut-kedut. Sementara

bayi yang lahir terlebih masa dan ketikanya biasanya akan mempunyai kulit yang mengelupas. Hal tentang ketepatan masa dan ketika melalui ungkapan '*semasak buah rambai*' ini dikukuhkan lagi dengan ungkapan selepasnya, iaitu '*hari cukup bilangan genap*'. Gambaran tentang masa dan ketika yang paling baik dan elok Tuan Puteri Si Helang Bakau melahirkan bayinya telah terjelma melalui kedua-dua ungkapan itu.

Unsur ketelitian bahasa juga ditampilkan oleh masyarakat Melayu zaman dahulu melalui pemilihan perkataan *betik* dan *rambai*. Kedudukan dan keadaan Tuan Puteri Si Helang Bakau yang mudah dan senang sewaktu mengandung tanpa sebarang alahan dikiaskan pada sifat pokok betik dan rambai itu sendiri. Kenapa betik dan rambai yang dipilih dan bukan buah-buahan lain? Kedua-dua pokok ini tidak memerlukan penjagaan yang rapi berbanding dengan pokok buah yang lain sebelum berbuah. Betik tetap boleh hidup walaupun bijinya dicampakkan di mana-mana sahaja di atas tanah yang cukup air dan nutrienya. Begitu juga dengan rambai yang hanya perlu ditanam melalui anak pokok ataupun biji buah rambai yang dicampakkan. Menurut Ismail Saidin, "rambai mudah hidup dan tidak memerlukan penjagaan yang rapi" (2000:162). Kedua-dua pokok tersebut tidak perlu disiram pada setiap hari dan tidak perlu dibaja seperti pokok buah-buahan lain. Analogi bagaimana mudahnya menjaga dan membesarkan kedua-dua pokok tersebut begitulah mudahnya keadaan Tuan Puteri Si Helang Bakau mengandung. Tegasnya, kepekaan orang Melayu pada zaman dahulu pada unsur-unsur yang berada di persekitarannya menampakkan kebijaksanaan mereka kerana pemerhatian segala ciri dan sifat betik dan rambai telah disamakan dengan keadaan tuan puteri mengandung. Sewaktu pembaca memproses maklumat, usaha yang digunakan akan menjadi semakin mudah dan senang kerana adanya maklumat yang mencukupi untuk mengembangkan konteks dengan melihat alam sekeliling, iaitu unsur betik dan rambai itu tadi.

Berdasarkan perbincangan di atas, secara tuntasnya penggunaan konsep masa yang digunakan dalam masyarakat Melayu zaman dahulu lebih bersifat anggaran. Anggaran masa enggang mengeram, betik berbuah, buah rambai yang masak inilah menjadi anggaran untuk menganggar masa. Ditambah lagi dengan anggaran masa hari yang cukup dan bilangan yang genap.

2. Maka pada hari cukup bilangan genap:

*Ahad bertimpa dengan Senin,
Pada dua belas hari bulan,
Dua belas tapak bayang-bayang.*

Melangkah Tuan Puteri Dayang Nuramah:

*Tengah buntar bayang-bayang,
Baik rajawali bertimbang,
Bumi disembar layang-layang;
Sekali ia melenggang limbai,
Rukuk sekalian kayu-kayuan;
Sekali ia mengangkat tapak,
Menurut sampah di kakinya;
Jalannya Si Ganja belali,
Dirasa surut kepada tangku,
Orang tidak pandai berjalan,
Penjalin lantai diikuti.*

Berdasarkan Data 2 di atas, pembaca didedahkan tentang masa dan ketika Tuan Puteri Dayang Nuramah melangkah serta keistimewaan langkah dan lenggang-lenggok tuan puteri itu. Pada zaman dahulu orang Melayu menetapkan hari dan ketika yang baik berdasarkan kepercayaan dan pandangan alam mereka yang menetapkan bahawa tiap-tiap sesuatu dijadikan mengikut masa dan ketika tertentu. Justeru, dalam data “*pada hari cukup bilangan genap; Ahad bertimpa dengan Senin, pada dua belas hari bulan, dua belas tapak bayang-bayang*” telah cukup menggambarkan Tuan Puteri Dayang Nuramah mencari hari dan ketika yang baik untuk turun melangkah ke kakinya ke tanah.

Berdasarkan pembacaan data di atas, pembaca dapat membayangkan masa yang hendak dinyatakan Tuan Puteri Dayang Nuramah melangkah, iaitu mulanya petang Ahad masuk ke hari Isnin. ‘*Dua belas hari bulan*’ pula menggambarkan saiz bulan yang akan mengambang penuh. Sememangnya, bulan mengambang penuh pada 15 dan 16 setiap bulan dan asas hari bulan untuk bulan bertukar menjadi mengambang ialah 12 hari bulan. Tanggal 12 hari bulan setiap bulan inilah dianggap waktu paling baik untuk mencapai klimaks bagi sesuatu pekerjaan. Tanggal 15–16 hari bulan merupakan waktu puncak iaitu bulan mengambang.

Analogi masa dan ketika yang dikatakan “*hari cukup bilangan genap*” dapat digambarkan oleh pembaca kerana pembaca telah pun mempunyai persekitaran kognitif yang selari dengan penutur (dalam konteks data di atas penutur merujuk kepada penulis teks Melayu klasik). Pada zaman dahulu penggunaan jam dalam kalangan masyarakat Melayu tidak begitu meluas. Orang Melayu lebih suka melihat unsur alam yang menjadi

sebahagian daripada hidup mereka contohnya matahari untuk menentukan waktu pada hari siang. Keadaan ini dapat dilihat dalam data di atas, iaitu penggunaan tapak bayang-bayang untuk menggambarkan waktu petang (pengiraan dengan menggunakan tapak). Pengiraannya bermula daripada sebatang kayu yang dicacakkan hingga ke hujung terakhir bayang-bayang. Pembaca dengan mudah dapat menjangkakan waktu yang diceritakan oleh teks kerana perkiraan bayang-bayang itu telah menjadi sebahagian rutin kehidupan. Menurut teori relevan, persamaan latar belakang yang membentuk persamaan catatan ensiklopedia dan persamaan alam persekitaran telah membantu konteks pemula dikembangkan. Seterusnya, masalah konteks dapat dihindar, dan dengan itu pembaca dapat memproses ujaran yang ditulis dalam data di atas serta membuat interpretasi yang sempurna tentang masa dan ketika Tuan Puteri Dayang Nuramah turun melangkah.

Melalui data di atas pembaca turut diteguhkan dengan masa dan ketika Tuan Puteri Dayang Nuramah melangkah melalui ungkapan '*tengah buntar bayang-bayang*'. Sekali imbas pembacaan sahaja, pembaca yang sering merujuk kepada alam khasnya matahari untuk menentukan masa dapat menginterpretasi waktu yang tepat untuk ungkapan '*tengah buntar bayang-bayang*'. Tengah buntar bayang-bayang ini merujuk kepada keadaan matahari yang berada tegak di atas kepala dan tidak akan menampakkan sedikit pun bayang-bayang. Melihat daripada perspektif teori relevan, '*tengah buntar bayang-bayang*' ini menepati syarat-syarat manifestasi, iaitu mempunyai sifat jelas dan nyata. Dengan adanya ujaran bermanifestasi ini, pembaca dapat mengesan dengan mudah mesej yang ingin disampaikan oleh penulis.

Keindahan bahasa dan unsur kepersisan sewaktu mengungkapkan kesempurnaan lenggang-lenggok Tuan Puteri Dayang Nuramah dapat dilihat melalui ungkapan, "*baik rajawali bertimbang, bumi disembar layang-layang; sekali ia melenggang limbai, rukuk sekalian kayu-kayuan; sekali ia mengangkat tapak, menurut sampah di kakinya; jalannya si ganja belali, dirasa surut kepada tangku orang tidak pandai berjalan, penjalin lantai diikuti*". Keadaan burung rajawali mengimbangkan badan sewaktu terbang dan layang-layang menjunam ke bumi dan naik semula ke angkasa dijadikan perumpamaan keseimbangan lenggang dan lenggok serta hayunan tangan Tuan Puteri Dayang Nuramah.

Kesempurnaan lenggang dan lenggok Tuan Puteri Dayang Nuramah dibuktikan lagi dengan kekaguman alam yang digambarkan dengan kayu-kayuan yang rukuk. Tuan Puteri Dayang Nuramah juga berjalan seperti orang kebanyakan dan tidak berjengket. Ini dibuktikan daripada ungkapan

apabila tuan puteri mengangkat tapak kaki, sampah akan turut mengikut tapak kaki tersebut. Jika Tuan Puteri berjalan berjengket, tidak akan ada sampah yang akan melekat di tapak kakinya. Langkah kaki Tuan Puteri Dayang Nuramah juga amat rapi, tetap dan teratur seperti yang digambarkan dengan caranya berjalan mengikut penjalin lantai. Penjalin lantai dianyam dan disusun dengan begitu rapi dan teratur. Jika dibandingkan dengan cara berjalan zaman sekarang bolehlah disamakan dengan cara berjalan seorang model yang menggayakan sesuatu jenis pakaian atau aksesori (*cat walk*).

Analisis Data Teks Melayu Moden

1. “Semakin banyak persoalan berpusu dalam kepala Hasan. Dia dapat merasakan yang dia tidak akan beristirahat seperti yang dirancang. Nampaknya orang ini akan bermain teka-teki dengannya *sehingga fajar sidik*.”

(Sri Rahayu Mohd. Yusop, 2000:8)

Penulis menggunakan ungkapan '*sehingga fajar sidik*' untuk menceritakan jangka masa yang terpaksa dilalui oleh watak utama novelnya, iaitu Hasan sewaktu berhadapan dengan sekumpulan musuhnya.

Melalui ungkapan *sehingga fajar sidik*, sekali lagi pembaca didedahkan dengan konsep masa yang merujuk kepada jangka masa tertentu. Mengikut teori relevan, sesuatu ujaran hanya dianggap relevan jika mempunyai ciri-ciri manifestasi iaitu sifat yang jelas dan nyata. Ungkapan *sehingga fajar sidik* ini tidak memungkinkan ujaran tersebut dianggap relevan oleh pendengar atau pembaca disebabkan tidak bersifat jelas dan nyata. Fajar sidik tidak menjelaskan masa yang tepat dan jelas untuk difahami oleh pembaca.

Namun begitu, tahap kerelevanan sesuatu ujaran juga turut bergantung pada kesan konteks yang dibentuk dan usaha memproses yang digunakan untuk menginterpretasi sesuatu ujaran. Pembaca Islam pastinya akan dapat menginterpretasi ungkapan *fajar sidik* kerana merupakan sesuatu yang lumrah dalam kehidupan mereka dan amat berkait rapat dengan waktu sembahyang. Fajar sidik ialah cahaya kemerah-merahan di langit timur menjelang matahari terbit. Kesan konteks yang telah sedia ada dalam fikiran pembaca tentang fajar sidik ini telah dibantu dengan subgagasan pengayaan untuk menyempurnakan lagi interpretasi *fajar sidik*. Dengan kata-kata lain, kesan konteks yang telah ada pada pembaca dapat dikayakan dengan pemilihan waktu masuknya sembahyang subuh, iaitu antara pukul

5.45 pagi hingga 6.00 pagi. Tegasnya, dengan adanya kesan konteks pada pembaca yang turut dibantu oleh subgagasan pengayaan, usaha untuk memproses maklumat menjadi rendah. Seterusnya, pembaca dapat mengagak tempoh masa yang cuba disampaikan oleh Sri Rahayu melalui ungkapan *sehingga fajar sidik*.

2. Hassan langsung tidak memandang Tun Hakim, sebaliknya menatap warna langit yang semakin suram. “Jangan terburu-buru, orang muda. *Waktu maghrib hampir tiba*. Kita bertemu kembali *selepas solat isyak*. Manalah tahu, jika pendek umurku di tangan orang muda, tidaklah aku mati tanpa bersolat.”

Selepas waktu asar, Orang Kaya Ariff bersiap sedia untuk keluar.

Penjelasan tentang waktu sembahyang amat berkait rapat dengan masa. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu telah menggunakan sejenis alat yang dinamakan ketuk-ketuk untuk menjadi pedoman masuknya waktu sembahyang. Asmah Haji Omar (2000) dalam bukunya *Malay Perception of Time* telah menjelaskan bahawa perkataan waktu dalam bahasa Melayu digunakan untuk menerangkan masa sembahyang seseorang Muslim seperti waktu subuh, waktu zohor dan sebagainya. Selain itu, perkataan waktu ini juga digunakan untuk menggambarkan masa yang spesifik bagi rutin keagamaan seperti waktu berbuka puasa dan waktu imsak.

Sebelum meluasnya penggunaan jam untuk menentukan masuknya waktu sembahyang, masyarakat Melayu juga menggunakan alam sebagai sumber rujukan. Sebagai contoh, penentuan waktu zohor dilakukan dengan mencacakkan sebatang kayu dan jika wujud bayang kayu tersebut maka masuklah waktu sembahyang zohor. Waktu asar hanya bermula jika bayang kayu yang wujud melebihi panjang sebenar kayu tersebut. Penentuan waktu maghrib boleh dilihat dengan urat daun kayu. Jika dilihat dari tingkap, tidak kelihatan urat pada daun kayu maka waktu maghrib telah bermula. Begitu juga dengan warna merah kekuningan pada kaki langit pada waktu senja menandakan bermulanya waktu maghrib. Seandainya warna merah kekuningan itu telah lenyap maka berakhir jugalah waktu maghrib dan bermula pula waktu isyak.

Daripada perbincangan ringkas di atas yang memaparkan serba sedikit penentuan waktu sembahyang yang digunakan oleh masyarakat Melayu zaman dahulu, pembaca pastinya dapat menganggarkan masa yang ingin disampaikan oleh Sri Rahayu melalui ungkapan *waktu maghrib sudah lama masuk dan waktu isyak hampir tiba*. Pada dasarnya, pembaca telah

mempunyai konteks semula tentang waktu maghrib berpandukan warna merah kekuning-kuningan di kaki langit. Konteks semula ini dikembangkan lagi dengan melihat ujaran terdahulu iaitu "... sebaliknya menatap warna langit yang semakin suram" untuk membentuk kesan konteks. Merujuk kepada warna di kaki langit yang semakin suram membawa konotasi warna merah kekuning-kuningan itu telah lama wujud dan detik waktu maghrib akan bermula semakin hampir.

Untuk menentukan masuknya waktu asar sebelum wujud penggunaan jam, umat Islam merujuk kepada pergerakan matahari. Pengiraan waktu asar dikira apabila bayang-bayang kayu pengukur melebihi panjang sebenar kayu tersebut. Pembaca agak mudah menjangkakan waktu yang ingin digambarkan oleh penulis kerana perkiraan bayang-bayang itu telah tersimpan dalam ingatan jangka panjangnya. Menurut teori relevan, persamaan latar belakang yang membentuk persamaan catatan ensiklopedia dan persamaan alam persekitaran telah membantu konteks semula dikembangkan. Seterusnya, masalah konteks dapat dihindar dan dengan itu pembaca dapat memproses ujaran yang ditulis dalam data di atas serta membuat interpretasi yang sempurna tentang anggaran masa *selepas waktu asar*. Sehubungan itu juga, masa *selepas waktu asar* itu turut merujuk kepada anggaran masa tertentu dan bukannya satu detik tertentu. Selepas waktu asar mempunyai masa yang cukup panjang iaitu setelah bermulanya waktu asar dan sebelum bermulanya waktu maghrib. Sela antara kedua-dua waktu inilah yang menjadi anggaran untuk menganggar masa.

Banyak lagi cerpen dan novel yang menggunakan ungkapan seperti di atas bagi menggambarkan masa. Othman Puteh dan Ramli Isin (1983), Othman Puteh (1990), Mohd. Suffian Md. Shah dan Zul Aini Hamzah (1991). Ungkapan seperti waktu pagi, dinihari, malam, senja, matahari kuning kemerahan, waktu rehat dan banyak lagi jelas menggambarkan masa yang dipersepsi oleh masyarakat Melayu.

Persepsi Masa Masyarakat Melayu

Jika diperhatikan daripada data di atas ternyata pengungkapan masa dalam masyarakat Melayu memang tidak ada yang tepat. Tepat di sini bermaksud menyatakan waktu yang jelas seperti pukul dua petang, atau lapan malam. Apa yang diungkapkan lebih menggambarkan masa yang kurang jelas dan terlampau longgar. Ini boleh dikaitkan dengan faktor sejarah. Istilah-istilah seperti *jam*, *minit*, *saat*, *ketika*, *masa*, dan *waktu* merupakan kata pinjaman. Ada yang dipinjam daripada bahasa Arab seperti waktu (dari *waqt*) dan saat.

Waktu selalu dikaitkan dengan solat. Masa dan ketika pula daripada bahasa Sanskrit, minit daripada bahasa Inggeris dan jam daripada bahasa Tamil.

Memandangkan tiada satu pun ungkapan Melayu yang memasukkan istilah-istilah di atas dalam ungkapan Melayu, maka kita boleh membuat kesimpulan bahawa ungkapan Melayu telah tercipta lebih awal daripada masuknya istilah-istilah di atas.

Persoalan yang menarik untuk dibincangkan di sini ialah sejauh manakah konsep masa masyarakat Melayu zaman dahulu digunakan pada hari ini. Yang jelasnya, ungkapan-ungkapan seperti *sepenanak nasi*, *sepiak sirih*, *sepenggalah matahari* jarang-jarang didengari. Ini disebabkan oleh peredaran masa. Kini telah ada jam yang lebih tepat untuk mengungkapkan masa. Sama ada dari segi waktu dan masa mahupun pengenalan tentang hari dan bulan. Kalendar Islam dan Kristian telah menggantikan konsep purnama/bulan. Tetapi persoalan menarik ialah adakah dengan datangnya budaya masa yang dibekalkan oleh jam tangan atau jam dinding berjaya menukar persepsi Melayu menghormati masa.

Kenyataan yang dapat dilihat ialah persepsi Melayu mengenai masa masih kekal sebagaimana Melayu dahulu menghormati masa. Kelonggaran penetapan masa yang berbasa-basi masih dipakai hingga ke hari ini. Ini dibuktikan dengan ungkapan yang amat popular iaitu, *janji Melayu*. Ungkapan ini seolah-olah penyelamat suasana dan menyejukkan hati orang yang mendengar. Padahal ini menggambarkan sikap berterusan orang Melayu yang meremehkan masa, yang tidak serius dengan masa. Meskipun dalam agama Islam itu sendiri telah ditegaskan tentang mustahaknya masa melalui surat *al-Asr*, tetapi masyarakat Islam Melayu tidak dapat menghayati mesej yang hendak disampaikan oleh ajaran Allah itu sendiri.

Bukti yang menunjukkan masyarakat Melayu moden masih kekal dengan konsep kelonggaran masa adalah seperti ungkapan, *lepas maghrib*, *lepas isyak* dan seterusnya. Apabila membuat temu janji untuk menziarah, A akan mengatakan lepas maghrib. Antara maghrib ke isyak, masanya adalah lebih kurang satu jam 15 minit (dari 7.30 – 8.45 malam). Tetamu yang ditunggu boleh datang bila-bila masa dalam lingkungan satu jam 15 minit tadi. Sebagai tuan rumah, ini seolah-olah difahami dan tidak merasa marah dengan kelewatan tetamu apabila tetamu sampai sebelum waktu isyak. Jadi di sini menunjukkan bahawa hanya ungkapan sepiak sirih yang tidak dipakai tetapi konsepnya tetap terjelma dalam masyarakat Melayu moden. Begitu juga dengan penetapan waktu jamuan kenduri kahwin. Selalunya jamuan ditetapkan dari pukul 12.00 tengah hari hingga pukul 5.00 petang dan yang lebih menyeksa lagi, tetamu boleh hadir lebih

lewat daripada lingkungan masa yang telah ditetapkan.⁸

Sekali lagi di sini konsep masa sebagaimana yang ada pada zaman dahulu tetap dipakai. Cuma ungkapan klasik itu sahaja yang ditinggalkan. Alasannya kerana ungkapan itu jarang dipakai dan banyak objek yang terlibat telah tidak dikenali oleh generasi muda. Ini sekali gus akan menyukarkan usaha memproses maklumat dan menjadikan ujaran itu tidak relevan.

Keremehan menghormati masa dapat dikaitkan dengan konsep *monochronic time* (M-time) dan *polychronic time* (P-time). Asmah (1993), memetik pendapat ini daripada Edward Hall (1983) dalam menjelaskan cara-cara manusia daripada berbagai-bagai budaya menjadualkan kehidupan mereka. Dalam masa monokronik (masa-M), manusia menjalankan sesuatu kegiatan pada sesuatu masa, sedangkan dalam masa polikronik (masa-P) terdapat banyak hal yang dilakukan dalam satu-satu masa tertentu.

Masa-M mementingkan jadual yang mempunyai urutan tertibnya dan melibatkan proses memilih apa yang akan dimasukkan ke dalam jadual dan apa yang tidak. Semua tindakan dalam masa-M ditujukan pada matlamat yang hendak dicapai. Cara memperlakukan masa seperti ini terdapat dalam budaya Barat dan budaya negara-negara lain yang berindustri tinggi, seperti Jepun. Sebaliknya masa-P memberi keutamaan pada hubungan antara manusia. Sungguhpun matlamat sesuatu urusan itu ada, penjadualan boleh dilentur-lentur, sehingga ada kalanya boleh diubah, bahkan juga dibatalkan. Kehidupan kekeluargaan boleh dimasukkan dalam masa-P.

Sekali lagi konsep masa-P dapat digambarkan dalam ungkapan *biar lambat asal selamat, tak akan lari gunung dikejar, berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian*, dan sebagainya. Kesemuanya menggambarkan konsep yang selari dengan masa-P. Ini bermakna konsep masa masyarakat Melayu masih tidak berubah meskipun ungkapan yang disenaraikan di atas sebagai data dicipta mungkin ratusan atau ribuan tahun dahulu. Apa yang berubah adalah ungkapannya, iaitu ungkapan yang lebih tepat seperti pukul 9.00 pagi, 2.00 petang dan seterusnya.

Maya Khemlani David (1992) dalam artikel yang bertajuk, *How late is late*, telah membuat perbandingan sikap antara bangsa Jerman dengan Melayu dalam menangani masa. Dalam kajiannya, beliau mendapati masyarakat Melayu selalu mengaitkan konsep *sabar* dan *tak apa*, jika masa yang

8 Asmah Haji Omar (2000) ada membincangkan mengenai masa kenduri kahwin dan kononnya masyarakat Melayu akan menganggap sikap meremehkan masa ada kaitan dengan darjah keimanan seseorang seperti penyabar, tabah dan sebagainya.

dijanjikan tidak pernah tepat. Seramai 21 peratus orang Jerman akan meninggalkan temu janji makan jika terlewat lebih daripada 15 minit. Tetapi responden Melayu setia menunggu. Tujuh puluh satu peratus orang Melayu mengatakan boleh bersabar dan tidak apa untuk terus menunggu, tetapi hanya 43 peratus sahaja daripada responden Jerman yang akan terus menunggu.⁹ Dalam kajiannya juga mendapati masa maksimum yang boleh diberikan oleh orang Jerman hanya setakat 20 minit dan tidak seorang pun yang akan menunggu setelah 30 minit. Tetapi 14 peratus orang Melayu akan tetap menunggu walaupun setelah satu jam atau lebih dan malah bersedia menunggu lebih lama jika yang ditunggu itu kawan rapat.

Kajian di atas sedikit sebanyak menggambarkan betapa pengaruh ketidak-tetapan masa yang diperuntukkan seperti dalam ungkapan Melayu lama masih terjelma dalam Melayu moden. Biar apa pun latar belakang pendidikan, namun sikap menghormati masa masih di taraf yang menyedihkan. Budaya temu janji telah dapat memperlihatkan sikap menghormati masa tetapi sejauh mana perbincangan formal yang benar-benar formal dapat dilakukan masih bersifat masa-P bukannya masa-M.

Hal yang sama juga berlaku di Filipina. Betty A. De La Pena (1992, 31) dalam artikelnya yang bertajuk, *The Filipinos Concept Of Time As Reflected In Their Proverbs*, menyatakan:

"Although the golden rules of punctuality and industry are always embodied in his philosophy and proverbs, the Filipino, is also said to be fond of procrastination and does things only when time is almost up for him."

KESIMPULAN

Jelasnya peradaban Melayu mengenai masa tidak berjalan seiring dengan perubahan nilai-nilai Melayu yang lain. Persoalannya adakah ini sesuatu yang menguntungkan atau merugikan orang Melayu itu sendiri. Jika dihalusi daripada tradisi lisan, hikayat klasik, dan moden pernyataan dan persepsi Melayu pada masa tetap sama. Cuma yang berubah ialah ungkapan-ungkapannya. Tetapi konsepnya kekal seperti sedia ada. Maka dapatlah dirumuskan bahawa itulah cara pemikiran Melayu terhadap masa. Ini adalah kerana konsep masa ini berkaitan dengan ruang dan budi bahasa penuturnya

9 Ini ialah orang Jerman yang telah memahami cara hidup Malaysia. Mungkin peratusnya akan berbeza jika orang Jerman di Eropah yang dikaji.

sekali. Adalah lebih baik lewat ke undangan daripada tuan rumah berkecil hati. Jadi konsep 'menjaga hati' amat diteliti dan dijaga agar hubungan tetap terjalin. Ini yang penting pada masyarakat Melayu. Maka adalah menjadi tanggungjawab kita bersama-sama untuk menyelami dan memahami hati budi Melayu agar hubungan harmoni yang cuba dipertahankan oleh masyarakat ini berkekalan.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1993. "Konsep Masa dalam Bahasa dan Pemikiran Melayu", *Seminar Kosmologi Melayu*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar, 2000. *Malay Perception of Time*, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Betty De La Pena, 1992. "The Filipino's Concept of Time and Space as Reflected in Their Idioms", dalam Jamaliah Ali, *et al.*, *Language and the Perception of Time and Space*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Edisi 3*, 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Levinson, Stephen, C., 1983. *Pragmatics*, Cambridge University Press: Cambridge.
- Maya David, 1992. "How late is Late", dalam Jamaliah Ali, *et al.*, *Language and the Perception of Time and Space*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd. Adnan Mohd. Ariffin, 1992. *Tikaman Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1995. "Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik", Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2001. "Masa dan Masyarakat Melayu", *Jurnal Dewan Bahasa*, 38 (1): 44-54.
- Pawang Ana dan Raja Haji Yahya, 1985. *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Reber, Arthur. S., 1985. *Dictionary of Psychology*. London: Penguin.
- Rukayah Aman, 1999. *Buah-Buahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Senu Abdul Rahman (pnyt.), 1973. *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Sinclair, M., 1995. "Fittings Pragmatics into Minds: Some Issues in Mentalist Pragmatics", *Journal of Pragmatics*, 509-559.
- Sperber, D., dan D. Wilson, 1995. *Relevance Theory: Communication and Cognition*, Basil Blackwell: Oxford.
- Sperber, D., dan D. Wilson, 1986. "Inference and Implicature", dalam. Travis. CO.

Meaning and Interpretation, Basil Blackwell: Oxford.

Sri Rahayu, 2001. *Bukan Legasi Lalang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Suriati Zakaria, 2002. "Masa dalam Kerangka Pemikiran Masyarakat Melayu: Kajian Makna Teks Klasik dan Moden", *Kertas Projek Sarjana*, UKM: Bangi

Syed Hussin al-Atas, 1989. *Mitos Peribumi Malas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zahrah Abd. Ghafur, 1989. "Konsep Masa dalam Bahasa Melayu," *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 32 (11), 780–819.